


<b>Publication</b>	Berita Harian	<b>Section / Page</b>	Online	<b>Date</b>	3 April 2020
<b>Headline</b>	Takaful Malaysia Sumbang RM250,000 Bantu Pesakit Covid-19				



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil. - NSTP/Halimaton Saadiah Sulaiman

KUALA LUMPUR: Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia) menyumbang RM250,000 kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP menerusi kempen Bantuan Kemanusiaan COVID-19 yang dilancarkan Kumpulan Media Prima bagi membantu kerajaan merawat pesakit jangkitan pandemik itu.

Sumbangan daripada syarikat insurans Islam pertama di Malaysia itu, akan digunakan untuk membeli peralatan dan bekalan perubatan kritikal yang diperlukan untuk menjaga pesakit serta petugas barisan hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil, berkata penyertaan mereka di dalam kempen itu seiring falsafah korporat syarikat untuk menyumbang semula kepada masyarakat.

“Kami menyokong inisiatif Kumpulan Media Prima mengumpul sumbangan orang ramai terutamanya syarikat korporat untuk membeli dan membekalkan keperluan perubatan seperti sut perlindungan, penutup mulut dan hidung, kit ujian dan ventilator.

“Kami amat berbesar hati untuk bekerjasama dan menjadi sebahagian daripada inisiatif pengumpulan dana oleh Media Prima dalam keadaan perniagaan yang mencabar ini,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamed berkata, Takaful Malaysia bertindak mengikut keperluan komuniti dengan menyediakan bantuan kewangan dalam usaha memerangi wabak COVID-19 berikutan kes jangkitan baru yang berterusan.

“Kami berharap sumbangan itu dapat membantu masalah kekurangan bekalan perubatan dihadapi hospital kerajaan yang terbabit saringan dan rawatan pesakit COVID-19,” katanya.

Dalam keadaan sukar ini, Mohamed Hassan berkata, Takaful Malaysia menawarkan penangguhan bayaran caruman takaful keluarga selama tiga bulan kepada peserta layak yang terjejas dari segi kewangan berikutan penularan wabak dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tambah beliau, pihaknya turut menawarkan perlindungan lanjutan percuma melalui manfaat pelan Takaful *myClick* MozzCare yang baru diperkenalkan tanpa kos tambahan untuk pembayaran tunai sekaligus sehingga RM2,000 jika orang dilindungi didiagnosis virus itu.

Katanya, pihaknya juga menyediakan perlindungan perbelanjaan hospital yang ditanggung tertakluk kepada had manfaat sijil sekiranya kakitangan ahli Pelan Manfaat Pekerja didapati positif COVID-19.